

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98**

**September 1997**

**FIT 342.3 - Sistem Kardiovaskular dan Terapi**

**Masa: 3 jam**

---

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan dan 12 muka surat yang bertaip.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

ANGKA GILIRAN .....

- I. **Soalan Pilihan Berganda.** Jawab semua soalan dengan menandakan (**✓**) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

1. Yang mana dari lapisan-lapisan dinding jantung berikut kaya dengan saluran darah?
  - ..... (A) Epikardium.
  - ..... (B) Miokardium.
  - ..... (C) Endokardium.
  - ..... (D) Perikardium.
  
2. Yang mana dari pernyataan berikut adalah tidak benar?  
Atrium kanan jantung menerima darah dari
  - ..... (A) vena cava superior.
  - ..... (B) vena cava inferior.
  - ..... (C) sinus koronari.
  - ..... (D) arteri koronari.

.....3/-

**ANGKA GILIRAN .....**

3. Gelombang "T" pada EKG terbentuk kerana
  - ..... (A) pendepolaran atrium.
  - ..... (B) pemolaran semula atrium.
  - ..... (C) pendepolaran ventrikel.
  - ..... (D) pemolaran semula ventrikel.
  
4. Yang mana dari berikut boleh membawa maut?
  - ..... (A) Fibrilasi atrium.
  - ..... (B) Fibrilasi ventrikel.
  - ..... (C) "Flutter" atrium.
  - ..... (D) "Flutter" ventrikel.
  
5. Iskemia pada serat konduksi AV termasuk berkas "His" akan
  - ..... (A) memanjangkan selang masa PQ.
  - ..... (B) memanjangkan selang masa kompleks QRS.
  - ..... (C) menurunkan amplitud gelombang "P".
  - ..... (D) menurunkan amplitud gelombang QRS.

.....4/-

**ANGKA GILIRAN .....**

6. Hiperkalemia akan
- ..... (A) meningkatkan kadar dan kekuatan penguncupan jantung.
  - ..... (B) menurunkan kadar dan kekuatan penguncupan jantung.
  - ..... (C) meningkatkan kadar jantung sahaja.
  - ..... (D) menurunkan kadar jantung sahaja.
7. Yang mana dari kombinasi berikut paling berkesan menurunkan tekanan darah?
- ..... (A) Furosemid, Propranolol, Hidroklorotiazid.
  - ..... (B) Furosemid, Propranolol, Atenolol.
  - ..... (C) Hidroklorotiazid, Atenolol, Hidralazin
  - ..... (D) Atenolol, Hidralazin, Diazoksid.
8. Yang mana dari drug berikut menghalang reseptor  $\alpha_1$  adrenergik?
- ..... (A) Klonidin.
  - ..... (B)  $\alpha$ -metildopa.
  - ..... (C) Prazosin.
  - ..... (D) Guanetidin.
9. Yang mana dari drug antihipertensi berikut kesannya akan berkurang jika diambil bersama efedrin?
- ..... (A) Klonidin.
  - ..... (B) Reserpin.
  - ..... (C) Prazosin.
  - ..... (D) Guanetidin.

ANGKA GILIRAN .....

10. Yang mana dari drug antihipertensi berikut paling banyak memberikan kesan samping?
- ..... (A) Propranolol.  
..... (B) Metoprolol.  
..... (C) Atenolol.  
..... (D) Labetalol.
11. Kesan utama drug berikut adalah menurunkan "preload".
- ..... (A) Natrium nitroprusid.  
..... (B) Minoksidil.  
..... (C) Diazoksid.  
..... (D) Nitroglycerin (GTN).
12. Yang mana daripada lipoprotein berikut berkecenderungan untuk memendakkan kolesterol di dalam dinding intima arteri koronari?
- ..... (A) Kilomikron.  
..... (B) LDL.  
..... (C) VLDL.  
..... (D) HDL.

ANGKA GILIRAN .....

13. Yang mana di antara berikut tidak digunakan dalam rawatan angina pectoris.
- ..... (A) Garam nitrit.  
..... (B) Penghalang  $\beta$ -adrenoseptor.  
..... (C) Antagonis kalsium.  
..... (D) Vasodilator.
14. Yang mana di antara drug anti-aterosklerosis berikut tidak diserap di gastro-usus?
- ..... (A) Kolestiramin.  
..... (B) Asid nikotinik.  
..... (C) Klofibrat.  
..... (D) Probukol.
15. Yang mana di antara pengelasan hipertensi dewasa berumur > 18 tahun berikut adalah tidak benar?
- ..... (A) Tahap 1, diastolik 140 - 159/sistolik 90 - 99 mmHg  
..... (B) Tahap 4, diastolik > 120 mmHg.  
..... (C) Tahap 3, sistolik 105-109 mmHg.  
..... (D) Hipertensi kecemasan, diastolik > 120 mmHg.

**ANGKA GILIRAN .....**

16. Yang mana di antara drug-drug berikut adalah drug pilihan untuk rawatan hipertensi dengan kegagalan kardiak?
- ..... (A) Labetolol.  
..... (B) Antagonis kalsium.  
..... (C) Diuretik.  
..... (D) Penghalang  $\beta$ .
17. Aktiviti halangan  $\alpha$ -adrenergik tak terbalikan fenoksibenzamina adalah melalui
- ..... (A) ion immonium.  
..... (B) radikal bebas.  
..... (C) ion karbonium.  
..... (D) karbanion.
18. Aktiviti hipokolesterolemik statin-statin (lovastatin, pravastatin dan simvastatin) adalah melalui rencatan.
- ..... (A) (S)- $\beta$ -hidroksil- $\beta$ -metilglutaril-KoA reduktase.  
..... (B) enzim asetoasetil-KoA.  
..... (C) pembentukan epoksida skualena.  
..... (D) 2,3-oksidoskualena-sterol siklase.

.....8/-

ANGKA GILIRAN .....

19. Struktur umum drug-drug antiaritma mengandungi
- ..... (A) kumpulan aromatik, rantai alkil dan kumpulan amino.  
..... (B) rantai alkil, asid karboksilik dan kumpulan sulfur.  
..... (C) kumpulan aromatik, alkohol dan keton.  
..... (D) rantai alkil, ester dan alkena.
20. Padangkan sebatian-sebatian (i-iv) berikut dengan gelangan-gelangan heterosiklik (a-d) yang sesuai diberikan di bawah:
- |       |                |     |             |
|-------|----------------|-----|-------------|
| (i)   | prazosin       | (a) | ftalazina   |
| (ii)  | asid nikotinik | (b) | piridina    |
| (iii) | pentolamina    | (c) | imidazolina |
| (iv)  | hidralazina    | (d) | kuinazolina |
- ..... (A) Jika (i) dan (d), (ii) dan (b), (iii) dan (c), (iv) dan (a) adalah benar.  
..... (B) Jika (i) dan (c), (ii) dan (a), (iii) dan (b), (iv) dan (d) adalah benar.  
..... (C) (i) dan (b), (ii) dan (c), (iii) dan (a), (iv) dan (d) adalah benar.  
..... (D) (i) dan (a), (ii) dan (d), (iii) dan (c), (iv) dan (b) adalah benar.

(25 marks)

..... 9/-

- II. (A) Dengan menamakan saluran-saluran darah yang terlibat, terangkan bagaimana darah membekalkan oksigen dan nutrien ke tisu-tisu jantung dan mengeluarkan hasil kumuh dari tisu tersebut.
- (5 markah)
- (B) Terangkan bagaimana bunyi-bunyi jantung terbentuk.
- (5 markah)
- (C) Terangkan sistem aliran impuls kardiak dan pengaruhnya kepada pegucupan ruang-ruang jantung.
- (10 markah)
- III. (A) Terangkan peranan presoreseptor, pusat kardiak, pusat vasomotor dan sistem saraf autonomik dalam pengawalan tekanan darah semasa aktif dan rehat.
- (10 markah)
- (B) Nama-nama kimia di bawah adalah agen-agen antihipertensi:
- (i) 2-(2',6'-diklorofenilamino)-2-imidazolina.
- (ii) Asid  $\alpha$ -amino- $\beta$ -(3,4-dihidroksifenil)- $\alpha$ -metilpropanoik.
- (a) Lukiskan kedua-dua struktur.
- (b) Terangkan mekanisme aktiviti antihipertensi.
- (c) Terangkan mengapa pemberian sebatian (i) tidak boleh diberhentikan secara tiba-tiba tetapi sebatian (ii) boleh.
- (10 markah)

.....10/-

IV. (A) Senaraikan kesan samping drug penghalang  $\beta$ -adrenergik dan terangkan mekanisme setiap kesan samping tersebut.

(10 markah)

(B) (i) Terangkan mengapa drug-drug vasodilator secara langsung (direct vasodilators) tidak diberikan sendirian untuk rawatan hipertensi?

(ii) Terangkan kesan samping drug-drug kumpulan ini.

(10 markah)

V. (A) (i) Senaraikan mekanisme-mekanisme bagaimana berlakunya aritmia jantung.

(ii) Terangkan tapak dan mekanisme tindakan drug antiaritmia menurut Vaughan Williams.

(10 markah)

(B) (i) Senaraikan tapak-tapak tindakan drug untuk rawatan kegagalan jantung kongestif. Berikan satu contoh drug untuk setiap tapak tindakan.

(ii) Terangkan mekanisme bagaimana setiap drug di atas boleh melegakan kegagalan jantung.

(10 markah)

.....11/-

VI. (A) Encik B adalah seorang Pengarah Pengurusan sebuah syarikat cetak berumur 58 tahun telah datang ke Jabatan Kecemasan Hospital Pulau Pinang kerana mengadu mengalami nyeri dada yang teruk yang tidak dilegakan dengan memakan 2 biji tablet parasetamol. Doktor di Unit Kecemasan telah melakukan ECG, mengambil sampel darah dan menyatakan kepada Encik B bahawa beliau berkemungkinan mengalami infarksi miokardium akut.

Drug-drug berikut telah dipreskrip untuk Encik B:

1. Morfin.
2. Trombolitik
3. Penghalang  $\beta$ .
4. Nitrogliserin.
5. Aspirin

(i) Apakah faedah penggunaan morfin dalam Encik B?

(2 markah)

(ii) Apakah matlamat terapi drug bagi kes di atas?

(2 markah)

(iii) Bincangkan rasional dan faedah penggunaan trombolitik, aspirin, perencat beta dan nitrogliserin untuk infarksi miokardium.

(6 markah)

.....12/-

- (B) Pengekstrakan daun *Digitalis lanata* dan kemudian pengasingan dengan kromatografi kolumn menghasilkan glikosida jantung, lanatosida C. Strukturnya mengandungi satu aglikon, digoksigenin ( $3\beta, 14\beta$ -dihidroksi- $5\beta$ -kard-20(22)-enolida yang terikat kepada dua molekul digitoksosa, satu molekul 3-asetil- $\beta$ -D-digitoksosa dan molekul  $\beta$ -D-glukosa.
- Lukiskan struktur lanatosida C.
  - Tunjukkan (menggunakan gambarajah struktur) bagaimana digoksin (digitoksosa<sub>3</sub>-digoksigenin) dihasilkan melalui hidrolisis selektif lanatosida C.
  - Lukiskan satu gambarajah stereokimia digoksigenin.

(10 markah)

oooOOOooo